

12 DEC 2001
Agong-Perlis

RAJA PERLIS YANG DI-PERTUAN AGONG, SULTAN TERENGGANU TIMBALAN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Majlis Raja-Raja Melayu hari ini bersetuju memilih Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12.

Pemilihan itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kenyataan dua perenggan yang dikeluarkan selepas mesyuarat ke-191 (Khas) majlis itu di Istana Negara di sini hari ini.

Mesyuarat itu juga memilih Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua pelantikan itu adalah bagi tempoh selama lima tahun mulai esok, kata Dr Mahathir.

Tuanku Syed Sirajuddin menggantikan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mangkat pada 21 Nov lepas.

Bagi Sultan Mizan ini adalah kali kedua baginda dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Kali pertama ialah pada 26 April 1999 ketika Sultan Selangor Almarhum Sultan Salahuddin, dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Menurut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa untuk memilih Yang di-Pertuan Agong.

Kesemua sembilan Raja Melayu iaitu Raja Perlis, Sultan Selangor, Sultan Terengganu, Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Kedah, Sultan Perak dan Sultan Johor menghadiri mesyuarat khas Majlis Raja-Raja itu.

Tuanku Syed Sirajuddin diputrakan di Arau, Perlis pada 16 Mei 1943, dan dimasyhurkan sebagai Raja Perlis di Istana Arau pada 17 April 2000, sehari selepas kemangkatan ayahanda baginda Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Baginda ditabalkan pada 7 Mei 2001.

Tuanku Syed Sirajuddin berkahwin dengan Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid pada 15 Feb 1967 dan mereka dikurniakan seorang putera, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, 34, serta seorang puteri, Sharifah Fazira, 28.

Sultan Mizan Zainal Abidin yang dilahirkan pada 22 Jan 1962 di Kuala Terengganu dimasyhurkan sebagai Sultan Terengganu ke-16 pada 15 Mei 1998 dan ditabalkan pada 3 April 1999.

Baginda berkahwin dengan Permaisuri Nur Zahirah pada 28 Mac 1996 dan mereka dikurniakan seorang puteri, Tengku Nadhirah Zahrah, 5, dan seorang putera, Tengku Muhammad Ismail, 3.

-- BERNAMA

AKT HS NMO